



30 Mei 2022
30 May 2022
P.U. (A) 172

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

KAEDAH-KAEDAH CUKAI PENDAPATAN
(POTONGAN BAGI PERBELANJAAN BERHUBUNG
DENGAN PROGRAM PEMBANGUNAN VENDOR
INDUSTRY4WRD) 2022

*INCOME TAX (DEDUCTION FOR EXPENDITURE IN
RELATION TO INDUSTRY4WRD VENDOR DEVELOPMENT
PROGRAMME) RULES 2022*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

KAEDAH-KAEDAH CUKAI PENDAPATAN (POTONGAN BAGI PERBELANJAAN
BERHUBUNG DENGAN PROGRAM PEMBANGUNAN VENDOR INDUSTRY4WRD) 2022

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 154(1)(b) dibaca bersama dengan perenggan 33(1)(d) Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*], Menteri membuat kaedah-kaedah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan bagi Perbelanjaan berhubung dengan Program Pembangunan Vendor Industry4WRD) 2022**.

(2) Kaedah-Kaedah ini disifatkan telah berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2019.

Pemakaian

2. Kaedah-Kaedah ini hendaklah terpakai bagi syarikat induk—

(a) yang diperbadankan atau disifatkan didaftarkan di bawah Akta Syarikat 2016 [*Akta 777*];

(b) yang bermastautin di Malaysia;

(c) yang melibatkan diri dalam sektor pengilangan atau perkhidmatan berkaitan pengilangan;

(d) yang memegang suatu lesen perniagaan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa tempatan yang berkenaan dan suatu lesen pengilangan yang dikeluarkan oleh kementerian yang dipertanggungjawab dengan tanggungjawab bagi perdagangan antarabangsa dan industri, jika berkenaan;

- (e) yang telah beroperasi untuk tempoh sekurang-kurangnya tiga puluh enam bulan;
- (f) yang menyertai Program Pembangunan Vendor Industry4WRD;
- (g) yang menandatangani memorandum persefahaman dengan kementerian yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi perdagangan antarabangsa dan industri di bawah Program Pembangunan Vendor Industry4WRD dari 1 Januari 2019 hingga 31 Disember 2021; dan
- (h) yang memenuhi syarat lain sebagaimana yang dinyatakan dalam Garis Panduan Bagi Pelaksanaan Program Pembangunan Vendor Industry4WRD yang dikeluarkan atau disemak semula oleh kementerian yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi perdagangan antarabangsa dan industri dan diluluskan oleh Menteri.

Program Pembangunan Vendor Industry4WRD

3. (1) Program Pembangunan Vendor Industry4WRD ialah suatu program yang diperakui oleh kementerian yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi perdagangan antarabangsa dan industri atau agensi, yang akan dilaksanakan oleh syarikat induk dalam membangunkan syarikat vendor sebagaimana yang dinyatakan dalam Garis Panduan Bagi Pelaksanaan Program Pembangunan Vendor Industry4WRD yang dikeluarkan atau disemak semula oleh kementerian yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi perdagangan antarabangsa dan industri dan diluluskan oleh Menteri.

(2) Bagi maksud subkaedah (1)—

“agensi” ertinya mana-mana agensi yang dilantik oleh kementerian yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi perdagangan antarabangsa dan industri di bawah Program Pembangunan Vendor Industry4WRD;

“syarikat vendor” ertinya suatu syarikat—

- (a) yang diperbadankan atau disifatkan didaftarkan di bawah Akta Syarikat 2016;
- (b) yang bermastautin di Malaysia;
- (c) yang melibatkan diri dalam sektor pengilangan atau perkhidmatan berkaitan pengilangan; dan
- (d) yang memenuhi syarat lain sebagaimana yang dinyatakan dalam Garis Panduan Bagi Pelaksanaan Program Pembangunan Vendor Industry4WRD (PPV Industry4WRD) yang dikeluarkan atau disemak semula oleh kementerian yang dipertanggungjawab dengan perdagangan antarabangsa dan industri dan diluluskan oleh Menteri.

Potongan

4. (1) Bagi maksud menentukan pendapatan larasan suatu syarikat induk daripada perniagaannya dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran, maka hendaklah dibenarkan sebagai suatu potongan suatu amaun bersamaan dua kali amaun perbelanjaan yang dilakukan oleh syarikat induk itu untuk melaksanakan aktiviti yang berikut berhubung dengan Program Pembangunan Vendor Industry4WRD dalam tempoh asas bagi tahun taksiran itu:

- (a) aktiviti berhubung dengan pembangunan produk iaitu peningkatan kualiti produk, inovasi produk atau penyelidikan dan pembangunan;
- (b) aktiviti berhubung dengan peningkatan keupayaan iaitu program pensijilan, program penilaian atau rekayasa semula proses perniagaan; atau

(c) aktiviti berhubung dengan modal insan iaitu latihan kemahiran teknikal, sistem pengurusan kejut, amalan pengurusan kewangan atau peningkatan kapasiti.

(2) Amaun perbelanjaan yang disebut dalam subkaedah (1) hendaklah ditentusahkan oleh Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi perdagangan antarabangsa dan industri dan jumlah amaun perbelanjaan itu tidak boleh melebihi satu juta ringgit bagi setiap tahun taksiran.

(3) Amaun perbelanjaan yang disebut dalam subkaedah (1) itu hendaklah tidaklah termasuk perbelanjaan modal yang dilakukan atas loji, jentera, lekapan, tanah, premis, bangunan, struktur atau kerja yang bersifat tetap atau atas perubahan, penambahan atau perluasan ke atasnya atau dalam pemerolehan apa-apa hak dalam atau atas mana-mana harta, yang dilakukan oleh syarikat induk itu.

(4) Potongan yang disebut dalam subkaedah (1) hendaklah bagi tempoh tiga tahun taksiran berturut-turut bermula dari tahun taksiran dalam tempoh asas yang perbelanjaan pertama yang dinyatakan dalam subkaedah (1) dilakukan.

Dibuat 11 Mei 2022

[Perb.CR(8.20)116/1-138(2019)(SJ.11); PN(PU2)80/JLD. 106]

TENGGU DATUK SERI UTAMA ZAFRUL BIN TENGGU ABDUL AZIZ

Menteri Kewangan

[Akan dibentangkan di Dewan Rakyat menurut subseksyen 154(2) Akta Cukai Pendapatan 1967]

INCOME TAX ACT 1967

INCOME TAX (DEDUCTION FOR EXPENDITURE IN RELATION TO INDUSTRY4WRD
VENDOR DEVELOPMENT PROGRAMME) RULES 2022

IN exercise of the powers conferred by paragraph 154(1)(b) read together with paragraph 33(1)(d) of the Income Tax Act 1967 [Act 53], the Minister makes the following rules:

Citation and commencement

1. (1) These rules may be cited as the **Income Tax (Deduction for Expenditure in relation to Industry4WRD Vendor Development Programme) Rules 2022**.

(2) These Rules are deemed to have come into operation from the year of assessment 2019.

Application

2. These Rules shall apply to an anchor company —

(a) which is incorporated or deemed to be registered under the Companies Act 2016 [Act 777];

(b) which is resident in Malaysia;

(c) which engages in manufacturing or manufacturing-related services sector;

(d) which holds a business license issued by relevant local authority and a manufacturing license issued by the ministry charged with the responsibility for international trade and industry, if relevant;

(e) which has been in operation for a period of at least thirty-six months;

(f) which participates in the Industry4WRD Vendor Development Programme;

- (g) which signs a memorandum of understanding with the ministry charged with the responsibility for international trade and industry under the Industry4WRD Vendor Development Programme from 1 January 2019 until 31 December 2021; and
- (h) which fulfills other conditions as specified in the Guideline for The Implementation of Industry4WRD Vendor Development Programme issued or as revised by the ministry charged with the responsibility for international trade and industry and approved by the Minister.

Industry4WRD Vendor Development Programme

3. (1) The Industry4WRD Vendor Development Programme is a programme certified by the ministry charged with the responsibility for international trade and industry or agency, to be implemented by an anchor company in developing a vendor company as specified in the Guideline for The Implementation of Industry4WRD Vendor Development Programme issued or as revised by the ministry charged with the responsibility for international trade and industry and approved by the Minister.

(2) For the purpose of subrule (1)—

“agency” means any agency appointed by the ministry charged with the responsibility for international trade and industry under the Industry4WRD Vendor Development Programme;

“vendor company” means a company—

- (a) which is incorporated or deemed to be registered under the Companies Act 2016;
- (b) which is resident in Malaysia;
- (c) which engages in manufacturing or manufacturing-related services sector; and

- (d) which fulfills other conditions as specified in the Guideline for The Implementation of Industry4WRD Vendor Development Programme issued or as revised by the ministry charged with the responsibility for international trade and industry and approved by the Minister.

Deduction

4. (1) For the purposes of ascertaining the adjusted income of an anchor company from its business in the basis period for a year of assessment, there shall be allowed as a deduction an amount which is equivalent to twice the amount of expenditure incurred by that anchor company to carry out the following activities in relation to the Industry4WRD Vendor Development Programme in the basis period for that year of assessment:

- (a) activities in relation to product development namely product quality upgrading, product innovation or research and development;
- (b) activities in relation to capability upgrading namely certification programme, assessment programme or business process re-engineering; or
- (c) activities in relation to human capital namely hard skill training, lean management system, financial management practice or capacity upgrading.

(2) The amount of expenditure referred to in subrule (1) shall be verified by the Minister charged with the responsibility for international trade and industry and the total amount of the expenditure shall not exceed one million ringgit for each year of assessment.

(3) The amount of expenditure referred to in subrule (1) shall not include capital expenditure incurred on plant, machinery, fixtures, land, premises, buildings, structures or works of a permanent nature or on alterations, additions or extensions thereof or in the acquisition of any rights in or over any property, incurred by the anchor company.

(4) The deduction referred to in subrule (1) shall be for a period of three consecutive years of assessment commencing from the year of assessment in the basis period of which the first expenditure specified in subrule (1) is incurred.

Made 11 May 2022

[Perb. CR(8.20)116/1-138(2019)(S).11); PN(PU2)80/JLD. 106]

TENGGU DATUK SERI UTAMA ZAFRUL BIN TENGGU ABDUL AZIZ
Minister of Finance

[To be laid before the Dewan Rakyat pursuant to subsection 154(2) of the Income Tax Act 1967]